



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	-		

# SOP ketat, vaksinasi lengkap bagi pengunjung Zoo Melaka

BH, 28 Sept  
2021\_31

**Melaka:** Zoo Melaka akan mengenakan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat termasuk lengkap vaksinasi kepada bakal pengunjung apabila ia dijangka dibuka semula kepada umum, Jumaat ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman, berkata pembukaan itu bagaimanapun masih bergantung kepada keputusan kerajaan negeri, sama ada

memberi kebenaran mengunjungi Zoo Melaka untuk pelancong dalam negeri terlebih dahulu atau turut diperluas kepada pelancong dari luar.

Katanya, apabila dibuka nanti, pengunjung perlu mematuhi SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk wajib memaparkan status vaksinasi di aplikasi MySejahtera sebelum dibenarkan masuk, manakala kanak-kanak perlu ada seliaan ibu

bapa atau penjaga.

Beliau berkata, semua 96 kakitangan zoo terbabit juga sudah lengkap divaksinasi serta bersedia dari segi kebersihan kawasan bersama pematuhan SOP.

"Kita mahu memastikan pengunjung dan kakitangan selamat daripada jangkitan COVID-19. Justeru, hanya 700 hingga 800 pengunjung dibenarkan masuk pada satu-satu masa di kawasan keluasan kira-kira 21.9 hektar

yang menempatkan 673 hidupan liar daripada lebih 153 spesies ini.

"Ini kerana kita mahu memberi keselesaan kepada pelawat. Berdasarkan pengalaman terdahulu, Zoo Melaka pernah mencapai kunjungan 10,000 pengunjung sehari dalam tempoh kira-kira tiga bulan terakhir tahun lalu," katanya.

Shadan berkata, sepanjang tiga bulan penutupan zoo dalam tempoh Perintah Kawalan Perge-

rakan (PKP) juga, pihaknya turut beroperasi secara maya melalui platform 'ZooToYou' yang berjaya menarik kunjungan 30,000 pengunjung.

"Walaupun tanpa bayaran, apa yang menarik melalui platform media itu, sejumlah RM250,000 berjaya dikumpul hasil sumbangan orang ramai yang menzahirkan kasih sayang mereka kepada haiwan di Zoo Melaka," katanya.